

Orang asli rayu pasang pagar elektrik elak gajah

GUA MUSANG

- Masyarakat orang asli di Kampung Aring 5 di sini meminta Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako) memasang pagar elektrik di kawasan tangki air tadahan bukit bagi mengelak berulangnya serangan gajah.

Penghulu Orang Asli Kampung Aring 5, Raina Anjang, 47, berkata, sejak kebelakangan ini, sekumpulan gajah liar antara lima hingga tujuh ekor semakin kerap berkeliaran di kawasan kampung itu yang boleh terdedah kepada kejadian tidak diingini.

Menurutnya, dalam tempoh sebulan lalu, dua kali berlaku kerosakan paip dan tangki air tadahan bukit apabila dirosakkan sekumpulan gajah liar terbabit hingga menyebabkan keperluan air untuk penduduk perkampungan itu terjejas.

- Bernama